

Majlis penyerahan insentif kepada dua pensyarah kanan, Dr. Norhani Aripin dan Dr. Nor Shaipah Abdul Wahab dari UUM College of Business (UUM COB) disempurnakan oleh Naib Canselor di Bilik Senat, di sini, semalam

UUM ONLINE: Pihak Pengurusan Universiti Utara Malaysia (UUM), memberikan insentif wang tunai RM10,000 kepada dua pensyarah kanan universiti atas kejayaan mereka menamatkan pengajian peringkat PhD dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Naib Canselor UUM, Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, insentif ini sebagai dorongan kepada mana-mana pensyarah dan tutor dari UUM yang boleh menghabiskan pengajian dengan jayanya dalam tempoh masa yang diluluskan oleh pihak pengurusan universiti.

"Insentif ini diharap menjadi galakan kepada warga akademik UUM di samping ia dilihat mampu menjadi sumber inspirasi kepada pensyarah lain menyambung dan menamatkan pengajian ke peringkat PhD dengan jayanya," katanya.

Sebelum itu, majlis penyerahan insentif kepada dua pensyarah kanan, Dr. Norhani Aripin dan Dr. Nor Shaipah Abdul Wahab dari UUM College of Business (UUM COB) disempurnakan oleh Naib Canselor di Bilik Senat, di sini, semalam.

Sementara itu, Dr. Norhani meluahkan rasa bersyukur dan gembira atas inisiatif pihak pengurusan mewujudkan insentif seumpama ini di samping ia akan menjadi dorongan dan motivasi kepada rakannya yang lain untuk menyambung pengajian.

"Pengurusan masa yang bijak sangat penting terutama dalam usaha membahagikan masa menguruskan keluarga dan menumpukan perhatian kepada pengajian," katanya yang menamatkan pengajian Perakaunan Kewangan dari Curtin University of Technology, Australia.

Tambah beliau, setiap calon PhD mesti fokus dan konsisten selain mendapat sokongan daripada keluarga dan mana-mana pihak yang relevan dengan pengajian. Seorang lagi penerima insentif, Dr. Nor Shaipah yang menamatkan pengajian dalam bidang percukaian dari University of Southampton, United Kingdom melahirkan perasaan gembira dan terharu atas pemberian insentif ini.

"Saya menganggap semua usaha yang dicurahkan untuk menamatkan pengajian peringkat PhD dihargai oleh pihak universiti dan saya akan terus menabur bakti di UUM," katanya.

Katanya lagi, falsafah yang dipegang untuk berjaya adalah usaha, doa serta tawakal dan sebarang kemungkinan yang berlaku sepanjang tempoh pengajian perlu dihadapi dengan tenang dan cuba mencari penyelesaian di samping berdoa kepada Allah dan bertawakal.

Habis.